

## Perancangan legasi untuk semua peringkat umur

Pewarisan harta ataupun legasi sering dikaitkan dengan golongan yang maha kaya ataupun individu yang lebih berusia.

Namun, di Sun Life Malaysia, kami percaya, persepsi ini perlu berubah kerana perancangan legasi ini memberi manfaat kepada sesiapa sahaja tanpa mengira faktor umur atau status kewangan mereka.

Seperti yang diungkapkan oleh Warren Buffet, perancangan legasi umpama menanam pokok hari ini supaya seseorang dapat menikmati manfaatnya itu pada masa depan.

Data terkini dari Institut Perancang Harta Malaysia (MIEP) mendedahkan bahawa 80 peratus rakyat Malaysia tidak memiliki pernyataan wasiat yang betul. Statistik ini menunjukkan, kemungkinan besar orang yang anda sayangi akan menghadapi cabaran untuk mendapatkan hak warisan mereka atau lebih buruk lagi mungkin dikecualikan daripada mewarisi harta anda.

Sebagai pembekal perkhidmatan insurans hayat dan takaful, Sun Life Malaysia melihat perancangan legasi sebagai aspek penting dalam pengurusan kewangan. Ia melibatkan pengurusan aset, liabiliti dan harta untuk memastikan proses peralihan harta yang lancar kepada generasi seterusnya pada satu masa kelak.

Bayangkan ketenangan fikiran yang anda dapat rasakan

**RAYMOND LEW**

Ketua Pegawai  
Esekutif & Presiden/  
Ketua Pegawai Negara,  
Sun Life Malaysia



### PANDANGAN



## Sun Life

apabila segala usaha gigih anda selama ini dalam memberikan masa depan terbaik dan lebih selamat untuk orang anda sayangi. Jika jawapan anda adalah "ya", anda perlu bertindak segera.

#### Persepsi perancangan legasi

Orang sering bertanya kepada saya, jika perancangan legasi itu begitu penting, mengapa ia tidak popular untuk dibincangkan?

Kepentingan perancangan legasi sering dianggap tidak penting dan diabaikan dalam perancangan kewangan kita.

Ketiadaan perhatian kepada topik ini disebabkan oleh kesedaran yang terhad dan sering dikaitkan dengan perkara kematian menyebabkannya sangat sensitif dan jarang dibincangkan.

Menurut kajian 'Berdiri Sendiri' kami pada tahun 2023, lebih daripada 80 peratus responden mengatakan bahawa pendapatan mereka digunakan untuk menyara orang yang mereka sayangi termasuk ibu bapa, pasangan, anak-anak atau ahli keluarga lain.

Selain itu, 37.2 peratus menyatakan hasrat untuk mengumpulkan harta mencukupi untuk ditinggalkan kepada orang tersayang.

Statistik ini menunjukkan, kepentingan perancangan legasi amat penting dalam memastikan kesejahteraan kewangan orang yang bergantung hidup kepada anda kekal terpelihara pada masa diperlukan.

#### Perancangan legasi bukan pilihan

Sun Life Malaysia percaya, perancangan legasi aspek penting dalam kestabilan kewangan dan berfungsi sebagai pelindung untuk orang anda sayangi.

Dengan adanya perancangan legasi, ia dapat mencegah kehidupan mereka daripada menghadapi perkara yang tidak dijangka. Ini adalah demi merancang perjalanan masa hadapan lebih selamat dan teratur untuk orang yang paling anda sayangi.

Bahkan untuk perniagaan terutamanya perniagaan keluarga, perancangan legasi memainkan peranan penting dalam

menjamin kestabilan kewangan dan kelestarian jangka panjang.

Ia menjadi panduan dan strategi untuk memastikan supaya sesuatu perniagaan dapat bertahan apabila berhadapan dengan sebarang ujian perubahan masa serta akan terus kekal berkembang maju.

#### Teguhkan warisan anda

Perancangan legasi meliputi pelbagai aspek, termasuk menulis wasiat, membayar pendahuluan untuk urusan kematian dan perundingan nasihat kewangan. Salah satu cara paling mudah untuk memulakan perancangan legasi adalah menerusi insurans atau takaful.

Mengapa begitu? Ia mudah - insurans hayat/takaful memberikan perlindungan kewangan kepada orang yang anda sayangi. Selain itu insurans dan takaful membolehkan pemindahan warisan tanpa taksiran cukai pendapatan.

Di Sun Life Malaysia, kami menawarkan pelbagai pelan insurans dan takaful yang boleh membantu pelanggan membina, melindungi dan memindahkan warisan harta mereka.

Bagi individu dan keluarga, insurans/takaful dapat memberikan sokongan kewangan yang sangat diperlukan kepada orang yang anda sayangi jika ada sesuatu menimpa anda seperti kecacatan kekal atau kematian.

Bagi perniagaan pula, insurans dan takaful berfungsi sebagai pengurusan risiko untuk memastikan operasi perniagaan dan harta yang terkumpul terus berkembang.

Selain daripada pelbagai produk perlindungan, kami juga menyediakan pendidikan dan sokongan kepada pelanggan kami seperti perancangan warisan dan persaraan yang mudah dilayari di laman web serta perkhidmatan perunding peribadi untuk membantu dalam proses memulakan perancangan legasi.

Sebagai contoh, pelan Sun Heritage-i kami memberikan faedah perancangan harta sehingga RM20,000. Selain itu, kami memperkenalkan kemudahan penanaman dalam talian atau e-hibah untuk memudahkan pelanggan kami mengagihkan harta kepada orang yang tersayang.

Apa yang perlu diingat iaitu perancangan legasi melebihi sekadar pengumpulan harta semata-mata. Ia menjamin kesejahteraan kewangan orang yang anda sayangi dan mengekalkan nilai-nilai yang anda sayangi.

Untuk nasihat peribadi dan bantuan dalam menyelaraskan perancangan legasi ke dalam strategi kewangan anda, hubungi kami di [www.sunlifemalaysia.com](http://www.sunlifemalaysia.com) hari ini.

Sun Life Malaysia ialah pembekal insurans dan takaful.